UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

**HIS 404 Kajian Ayat-Ayat Hukum**

Masa: [3 jam]

---

**Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam LIMA (5) muka surat.**

**ARAHAN:**

-- Jawab **EMPAT (4)** soalan, **DUA (2)** soalan daripada Bahagian A dan **SOALAN NO. 5 WAJIB** dijawab dan **SATU (1)** soalan lain daripada Bahagian B.

-- Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

-- Hormati kertas ini kerana ia mengandungi ayat-ayat al-Quran.

-- Sebelum menjawab, fahami dulu soalannya baik-baik.

-- Tulisan hendaklah bersih dan kemas.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA (2) soalan**

1. والسارق والسارقة فاقطعوا أيديهما جزاء بماكسبا نكالا من الله والله عزيز
حكيم (٢٨) فمن تاب من بعد ظلمه وأصلح فإن الله يتوب عليه إن الله غفور
رحيم (٢٩) سورة المائدة

[a] Beri syakl (baris) selengkapnya.

[b] Terjemahkan ke bahasa Malaysia.

[c] Jumhur ulama menetapkan adanya **nisab** bagi kewajiban melaksanakan hukuman ini. Terangkan apa yang dimaksud dengan **nisab**. Terangkan pula pendapat al-Syafi'i tentang jumlah **nisab** serta dalilnya sekali.

[d] Ayat di atas menerangkan pula tujuan penghukuman orang yang bersalah; jelaskan bahagian mana yang menyebutkan tujuan penghukuman itu.

.../2

2. وكتبنا عليهم أن النفس بالنفس والعين بالعين والأنف بالأنف والأذن بالأذن
والسن بالسن والجروح قصاص فمن تصدق به فهو كفارة له ومن لم يحكم بما
أنزل الله فأولئك هم الظالمون (٤٥) سورة المائدة

[a] Beri syakl selengkapnya.

[b] Terjemahkan ke bahasa Malaysia.

[c] Terangkan apa yang difahamkan oleh Imam Abū Ḥanifat daripada أن النفس بالنفس

[d] Huraikan maksud ayat:

ولكم فى القصاص حياة ياأولى الألباب لعلكم تتقون (١٧٩) سورة البقرة

3. للرجال نصيب مما ترك الوالدان والأقربون وللنساء نصيب مما ترك
الوالدان والأقربون مما قل منه أوكثر نصيبا مفروضا (٧) سورة النساء

[a] Beri syakl selengkapnya.

[b] Terjemahkan ke bahasa Malaysia.

[c] Ayat ini menunjukkan perbezaan pokok di antara undang-undang warisan Islam dengan undang-undang warisan jahiliah. Terangkan.

[d] Undang-undang pusaka Islam dapat disifatkan sebagai undang-undang warisan keluarga moden. Huraikan.

4. Daripada ayat-ayat al-Quran, pendapat sahabat dan pendapat mujtahid yang telah anda pelajari, anda diminta menyelesaikan kes-kes ini.

[a] Seorang mati meninggalkan suami, tiga orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Berapa bahagian masing-masing?

[b] Seorang mati meninggalkan ibu, suami, dua orang saudara seibu dan dua orang saudara lelaki seibu-sebapa. Berapa bahagian masing-masing menurut pendapat 'Umar ibn al-Khattab r.a.? Bagaimana pula mengikut pendapat 'Ali ibn Abi Talib r.a.? Jelaskan pula pilihan anda. Mengapa anda memilihnya?

[c] Seorang mati meninggalkan ibu, suami dan dua orang anak perempuan. Berapa bahagian masing-masing?

[d] Seorang mati meninggalkan seorang anak perempuan, seorang anak perempuan daripada anak lelaki (cucu) dan seorang saudara lelaki. Berapa bahagian masing?

**BAHAGIAN B - SOALAN NO. 5 MESTI dijawab dan SATU (1) soalan lain**

5. **Ssoalan ini MESTI dijawab**

« يأيها الذين آمنوا اتقوا الله وذروا ما بقي من الربا ان كنتم مؤمنين
(٢٧٨) فإن لم تفعلوا فأذنوا بحرب من الله ورسوله ، وإن تبتم فلكم رؤس
أموالكم لاتظلمون ولاتظلمون (٢٧٩)

Berdasarkan ayat-ayat di atas:

[a] Terjemahkan maksudnya ke dalam bahasa Malaysia dengan sempurna.

[b] Terangkan kedudukan ayat-ayat di atas (278 dan 279 daripada surah al-Baqarah) di samping ayat-ayat lain yang juga menyentuh tentang masalah riba.

(c) Jelaskan jenis-jenis riba yang diharamkan oleh ayat-ayat di atas.

[d] Terangkan hikmah di sebalik pengharaman riba oleh ayat-ayat di atas.

.../4

6. يأيها الذين آمنوا إنما الخمر والميسر والأنصاب والأزلام رجس من عمل
الشيطان فاجتنبوه لعلكم تفلحون ﴿٩٠﴾ إنما يريد الشيطان أن يوقع بينكم
العداوة والبغضاء في الخمر والميسر ويصدكم عن ذكر الله وعن الصلاة ،
فهل أنتم منتهون ﴿٩١﴾ "

Berdasarkan ayat-ayat di atas:

[a] Jelaskan bagaimana berlaku proses pengharaman khamr dan kaitannya dalam konteks zaman sekarang.

[b] Berikan pengertian **al khamr** dari segi bahasa dan istilah.

[c] Terangkan jawapan 'Umar ibn al Khattab setelah mendengar ayat-ayat di atas.

[d] Terjemahkan maksudnya ke dalam bahasa Malaysia dengan sempurna.

[e] Berikan sebab nuzul kepada ayat-ayat di atas dengan jelas.

7. يأيها الذين آمنوا إذا تداينتم بدين إلى أجل مسمى فاكتبوه .....
وأشهدوا إذا تبايعتم ولا يضار كاتب ولا شهيد......

Berdasarkan ayat-ayat di atas:

[a] Jelaskan perbezaan di antara pembuktian saksi secara mulut dan secara bertulis dan bincangkan kenapa Syariat Islam lebih mementingkan pembuktian saksi secara mulut.

[b] Jelaskan pandangan ulama'-ulama' tafsir tentang kedudukan perintah supaya persaksian itu dicatat melalui firman ( فاكتبوه ) dengan mengambil kira maksud ayat selepasnya

" وإن كنتم على سفر ولم تجدوا كاتبا فرهان مقبوضة فإن أمن بعضكم بعضا
فليؤد الذى اؤتمن أمانته وليتق الله ربه . "

[c] Terangkan maksud ayat

" واستشهدوا شهيدين من رجالكم فإن لم يكونا رجلين فرجل وامرأتان ممن ترضون من الشهداء "

[d] Merujuk kepada perintah supaya persaksian itu hendaklah dicatat, bagaimana pula dengan jualan tunai?

[e] Terangkan pengertian syahadah dari segi bahasa dan istilah.

-oooOOOooo-